

07 SEP 1997

Mahathir-Pengganti

ANWAR BAKAL PENGGANTI SAYA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi kenyataannya bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim merupakan bakal pengganti beliau sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno apabila tiba masanya.

Perdana Menteri berkata beliau telah berkali-kali menafikan terdapat perselisihan faham antara mereka berdua sehingga boleh menjejaskan kedudukan Anwar dalam parti dan kerajaan.

"Ada yang tuduh saya tak secocok dengan dia, tak setuju, macam-macam cerita keluar. Walaupun saya nafi, nampak penafian saya ditolak berkali-kali.

"Tapi saya harap semua akan faham bahawa walaupun janggut menjadi masalah tetapi dia masih menjadi timbalan dan bakal pengganti saya," katanya ketika menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno 1997 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Cerita mengenai janggut timbul apabila Anwar, ketika menggulung perbahasan sebelum Dr Mahathir, telah menyebut mengenai betapa sukarnya bagi Perdana Menteri untuk membangkitkan soal janggut sebagai simbol Islam kerana timbalannya itu juga berjanggut dan bermisai.

Dr Mahathir mengakui memang sukar bagi beliau untuk menyentuh soal janggut yang dianggap sesetengah pihak sebagai gambaran seseorang itu lebih Islam daripada orang Islam yang lain kerana mereka mengikuti Sunnah Nabi.

Sambil menyatakan Anwar merupakan satu-satunya timbalan beliau yang berjanggut dan bermisai kerana sebelum ini Tan Sri Musa Hitam dan Tun Ghafar Baba tidak sedemikian, Perdana Menteri berkata perbezaan itu bukan bermakna mereka tidak sehaluan dan juga bukan penghalang bagi Anwar untuk menggantikannya.

Apabila kenyataannya itu mendapat tepukan para perwakilan, Dr Mahathir berkata: "Saya anggap tepukan ini sebagai satu sokongan kepada keputusan yang dibuat oleh saya kerana saya berharap apabila saya berundur kemudian, entah bila, saya ingin menyerah Umno ini sebulat, semua sekali kepada orang yang akan mengambil-alih kepimpinan Umno."

Beliau tidak mahu ada puak-puak dalam Umno selepas orang lain mengambil-alih jawatan presiden kerana ia akan melemahkan parti itu.

"Kita tidak hendak melihat ada puak antara presiden dan timbalannya sehingga apabila presiden sudahpun bersara maka timbalan dapat separuh sahaja daripada Umno. Penyokong presiden (yang) berasa kecewa tidak mahu sokong orang yang menggantikan presiden," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau terpaksa mengulangi kenyataannya itu supaya selepas ini tidak ada lagi cerita-cerita kononnya Anwar meletakkan jawatan seperti mana yang berlaku sejak akhir-akhir ini.

Dalam nada bergurau, Dr Mahathir berkata Anwar sentiasa menggelabah apabila timbul cerita-cerita seperti itu.

Sementara itu, Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat berkata dugaan yang Anwar terima sejak akhir-akhir ini seperti surat layang dan khabar-khabar angin merupakan elemen penting yang mampu membantunya membentuk diri menjadi seorang pemimpin yang hebat.

Mohamed, yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno, berkata keupayaan Anwar menangani isu-isu itu sudah pasti akan menjadikannya seorang yang lebih kuat dan tabah untuk menghadapi cabaran-cabaran yang lebih hebat pada masa hadapan.

"Saya fikir Datuk Seri Anwar akan menjadi seorang Perdana Menteri yang

cukup hebat pada masa akan datang," katanya ketika ditemui pemberita selepas berakhirnya perhimpunan agung Umno itu. -- BERNAMA

RAZ AH RON